

Headline **Nafsu serakah bawa padah**  
Date **25 Jul 2009**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
ADValue **7,827**

Language **Malay**  
Page No **8**  
Article Size **369 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **23,482**



# Nafsu serakah bawa padah

Remaja 17 tahun lari dari rumah  
untuk jadi perempuan simpanan dicekup



**P**ERKENALAN singkat Dina (nama ditukar) dengan Azman dua tahun lalu ketika dia mengunjungi ibu saudaranya di bandar K tidak mungkin dilupakan wanita muda itu kerana detik itulah yang membawa perubahan besar kepada hidupnya hari ini.

Ketika itu Dina baru berusia 17 tahun dan bakal menghadapi peperiksaan SPM tidak lama lagi, manakala Azman yang berusia 24 tahun sudah bekerja di pekan D yang terletak kira-kira 30 km dari bandar K.

Dina bertemu dengan Azman di pusat beli-belah KM. Seperti remaja lain yang mula berjinak-jinak dengan cinta, Dina gem-bira apabila kehadirannya di pusat beli-belah itu mendapat perhatian jejaka di situ terutama Azman yang agak tampan orangnya. Mereka sempat bertukar-tukar nombor telefon dan

sejak itu bermulalah perhubungan yang akhirnya menjadi sesalan seumur hidupnya.

Dina tinggal di pekan D, manakala Azman pula di pekan M, tetapi jarak yang jauh itu langsung tidak menjadi masalah bagi mereka untuk menjalin hubungan cinta walaupun mengetahui Azman suami orang dan sudah mempunyai keluarga. Menerusi telefon bimbit, mereka saling bertanya khabar dan selepas dua bulan berkenalan, Azman mengajak Dina untuk temu janji di bandar K, tempat mereka mula-mula

bertemu, kononnya bagi mengenali hati budi masing-masing.

Selepas pertemuan itu, Dina semakin teruja dan sering menghubungi Azman bagi melepaskan rindu sehingga melupakan pelajarannya walaupun bakal menghadapi SPM tidak lama lagi. Sikap Dina yang gemar bergayut di telefon menyebabkan ibu bapanya sering memarahinya dan kerana tidak tahan dengan beban

keluarganya, Dina sering keluar rumah untuk melepak bersama rakannya.

Pada hujung minggu, Dina akan ke bandar K untuk bertemu Azman sehingga akhirnya mereka terlanjur dan beliau akui sejak itu beliau bagaikan ketagih untuk bersama. Keadaan itu berterusan sehinggalah selepas SPM, Dina mengambil keputusan untuk mengikut kekasih hatinya.

Pada satu malam, Dina lari dari rumahnya dengan bantuan Azman yang sanggup membawa kereta kancilnya ke bandar K. Di situ, Azman menyewakan bilik untuk Dina di sebuah flat yang dihuni beberapa wanita sebayanya. Sejak itu, bermulalah kehidupan Dina sebagai perempuan simpanan kepada Azman.

Bagaimanapun, masalah mula timbul apabila Azman semakin jarang mengunjungi Dina menyebabkan Dina sering kekurangan duit untuk berbelanja. Tidak tahan dengan keadaan itu, Dina yang tidak

bekerja mengambil jalan pintas menjual tubuh selepas melihat rakan serumahnya menikmati kehidupan mewah dengan cara begitu.

Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh jua ke

Headline **Nafsu serakah bawa padah**  
Date **25 Jul 2009**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
ADValue **7,827**

Language **Malay**  
Page No **8**  
Article Size **369 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **23,482**

tanah. Satu hari, Dina ditangkap di sebuah bilik hotel bersama seorang pelanggan dan dihadapkan ke Mahkamah Syariah atas tuduhan berkhalwat.

Beliau disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara enam bulan atau denda RM2,000. Bagaimanapun, Dina tidak mampu membayar denda berkenaan dan ibu bapanya yang turut hadir ketika perbicaraan enggan membayar denda itu dengan harapan hukuman itu akan menjadi pengajaran kepada anaknya.

Dina kini insaf dan berdoa supaya Tuhan menerima taubatnya. Apa yang menyedihkan, kata Dina, sepanjang perbicaraan kelibat Azman yang membawanya ke lembah hina itu langsung tidak kelihatan, sebaliknya ibu bapa yang pernah dikecewakan setia menemaninya.

Lebih malang, ketika di penjara, peperiksaan kesihatan mendapati Dina dijangkiti HIV. Ketika ditemui baru-baru

ini, perbualan dengan Dina menunjukkan beliau seolah-olah tidak faham akan kesan virus itu kepada dirinya, namun beliau melahirkan kesyukuran kerana keluarganya masih sedia menerimanya meskipun pernah mencalar perasaan mereka.

